Akhlak boleh didefinisikan daripada 2 sudut. Dari sudut Bahasa, perkataan “akhlak” ini diterbitkan daripaada Bahasa Arab isitu “khuluq”. Perkataan “khuluq” membawa makna perilaku, perangai atau tabiat.Menurut pandangan imam Ghazali, akhlak merupakan suatu Tindakan yang hadir dalam diri manusia yang dizahirkan tanpa perlu berfikir panjang. Hal ini membawa maksud bahawa suatu perbuatan yang dilakukan oleh seorang manusia itu tanpa teragak – agak adalah mencerminkan akhlak nya. Hal ini kerana akhlak sesorang tidak boleh direka kerana setiap insan sudah mempunyai akhlak yang tersendiri. Akhlak boleh diperbaiki dari semasa ke semasa tetapi tidak boleh diubah serta-merta. Hal ini kerana akhlak merupakan suatu sifat yang semulajdi diman dating dari diri sendiri. Dari sudut istilah, akhlak ialah perilaku yang sudah tersedia ada dalam jiwa seorang insan. Perilaku yang dimaksudkan ialah Sesutu perbuatan yang dilakuakn tanpa perlu melakukan sebarang pertimbangan terhadapnya.

Tiada insan yang dilahirkan tanpa akhlak. Namun begitu , setiap insan boleh dibezakan anatara satu sama lain dari segi akhlaknya. Hal ini kerana, Setiap insan mempunyai akhlak tersendiri dalam setiap sanubari kita.. menurut pandangan islam, akhlak merupakan suatu perkara yang amat penting dan memainkan peranan yang utamaa dalam menjalani kehidupan. Akhlak boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah. Akhlak mahmudah meruapakn akhlak yang terpuji. Antara contoh akhlak mahmudah iaiah jujur, menolong, amanah dan sebagainya. Manakala, akhlak mazmumah ialah akhlak terkeji. Sebagai contonhnya, menipu, khianat dan sebaginya. Dari sudut pandangan islam, akhlak yang terpuji amat digallakan untuk diterapkan dalam kehidupan setiap muslim. Orang yang berakhlak terpuji akan melahirakan keimanan di dalam hatinya.oleh itu, keimanan kita akan ebih sempurna jika kita berakhlak baik terhadap semua perkara di dalam kehidupan. Manusia yang paling baik akhlaknya ialah Rasullah SAW. Hal ini dinyatakan oleh firman Allah SWT daripada Surah Al-Ahzab ayat 33:21,

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّـهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.”

Oleh itu sebagai seorang muslim sejati, kita hendaklah berakhlak mulia sepertimana Rasulullah SAW. Hal ini kerana, seandainya kita memilih untuk berakhlak keji , kita akan mnedapat kecelekaaan di dalam kehidupan kita. Allah SWT telah menganugerahkan rahmat yang terbesar iaitu hadirnya Nabi Muhammad SAW untuk kita mencontohi baginda dalam menjalani kehidupan kita. Hal ini kerana Rasulullah SAW bersabda dalam Riwayat Ahmad, al-Hakim dan al-Baihaqi,

Sabda Rasulullah SAW,

“Sesungguhnya aku diutus demi menyempurnakan akhlak yang mulia.”

(Riwayat Ahmad, al-Hakim dan al-Baihaqi)

Tuntasnya, akhlak yang baik ini amat memainkan peranan yang penting di setiap sudut. Orang yang mencontohi sifat terpuji Rasulullah SAW akan mnedapat ketenangan dan kebahagian di dunia dan di akhirat. Sebaliknya, orang yang memilih untuk beraklhak trkeji akan hidup tidak tenang. Meskipun, setiap insan muslim sedar akan kepentingan akhlak yang baik, namun masih ada golongan muslimin yang berakhlak buruk terutamanya golongan remaja muslim kini.